

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT DAN KOLEJ KOMUNITI JASIN JALIN KERJASAMA STRATEGIK

JASIN, 3 JULAI 2026 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) dan Kolej Komuniti Jasin (KKJS) hari ini memeterai Surat Hasrat (LoI) sebagai langkah awal ke arah mewujudkan kerjasama strategik di antara kedua-dua belah pihak dalam pelbagai bidang yang menjurus kepada pengurusan sisa mampan dan ekonomi kitaran.

Menurut Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment, pemeteraian LoI ini membuka peluang bagi kedua-dua belah pihak untuk meneroka kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada syarikat serta pelajar, tenaga pengajar, kakitangan serta masyarakat setempat dalam bidang pendidikan, pembangunan modal insan, latihan kemahiran dan pemerkasaan komuniti.

“Menerusi kerjasama strategik ini, SWM Environment dan KKJS akan meneroka dalam pelbagai aspek termasuklah perkongsian ilmu dan kepakaran, peralatan dan fasiliti, selain memperkukuhkan kerjasama dalam bidang perundingan, latihan, persijilan profesional serta pengiktirafan berkaitan.

“Kerjasama ini turut merangkumi pelaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) selain aktiviti kemasyarakatan, pembangunan insan dan usahawan yang dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti, katanya.

Majlis menandatangani Surat Hasrat berkenaan berlangsung di Kolej Komuniti Jasin, Merlimau di sini yang turut dihadiri Sr. Mohamad Kelana Juwit, Pengarah Kolej Komuniti Jasin.

Menurut Tuan Sr. Mohamad Kelana, sebagai institusi TVET yang sentiasa mengutamakan kebolehpasaran graduan, KKJS komited untuk memperluaskan jaringan kerjasama bersama industri agar pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih holistik, sekali gus melahirkan graduan yang kompeten, berkemahiran tinggi dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan.

Beliau turut berharap jalinan kerjasama bersama SWM Environment akan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan lebih banyak program berimpak tinggi melibatkan warga kolej, komuniti setempat dan rakan strategik pada masa hadapan.

Tuan Haji Mohd Norlisam berkata, kedua-dua pihak juga akan menyediakan ruang dan peluang promosi serta pameran dalam program atau aktiviti yang dianjurkan bersama, di samping meneroka pelbagai bentuk kerjasama lain yang dipersetujui dari masa ke semasa.

“Kerjasama ini juga merupakan satu langkah penting dalam memperkukuhkan hubungan antara sektor industri dan institusi pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang lebih berilmu, berkemahiran dan berdaya saing dan SWM Environment sentiasa komited dalam menyokong usaha pembangunan modal insan dan pendidikan komuniti.



SWM ENVIRONMENT



**KOLEJ KOMUNITI
JASIN**

“Kami berharap dapat berkongsi pengalaman serta kepakaran industri yang dimiliki bagi memberi nilai tambah kepada pelajar dan warga Kolej Komuniti Jasin, sekali gus membantu melahirkan generasi yang lebih peka terhadap amalan kelestarian dan pengurusan sisa yang mampan,” tambahnya.

-TAMAT-

**SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.
KOLEJ KOMUNITI JASIN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
3 JULAI 2026**

MENGENAI SWM ENVIROMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat konsesi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). SWM Environment mempunyai seramai 12,000 orang pekerja dan memberi perkhidmatan kepada 26 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lebih 5.1 juta penduduk merangkumi 1.5 juta premis kediaman dan komersial.

SWM Environment turut memainkan peranan penting dalam aspek pendidikan masyarakat melalui inisiatif Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) berkaitan pengurusan sisa pepejal secara mampan dengan kaedah pengasingan sisa di punca (SAS) dan pendigitalan program kitar semula berganjaran (KITARecycle) sejajar dengan aspirasi negara ke arah Ekonomi Kitaran (Circular Economy).

Program KITARecycle merupakan satu ekosistem kitar semula yang inovatif, telus dan inklusif bagi menggalakkan komuniti melaksanakan aktiviti kitar semula dan mengumpul mata ganjaran KITARecycle (Recycle Points - RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian. Muat turun aplikasi KITARecycle melalui Apple App Store dan Google Play Store, atau melayari laman web rasmi www.kitarecycle.com.

Dengan pendekatan holistik berteraskan inovasi, teknologi, kelestarian, dan penglibatan komuniti, SWM Environment kekal komited untuk memacu reformasi pembersihan awam bagi mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, hijau, dan mampan untuk generasi kini dan masa hadapan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerjaan

SWM Enviroment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06-335191 / 012-3851436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com